

986 mangsa pulang ke rumah

KUANTAN 26 Dis. - Keadaan banjir di Pahang semakin pulih apabila seramai 986 mangsa daripada 261 keluarga pulang ke rumah masing-masing kira-kira pukul 3 petang hari ini.

Menurut jurucakap Pusat Kawalan Operasi Bencana, Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis negeri, berikutan itu, sebanyak enam pusat pemindahan mangsa banjir ditutup di daerah ini.

Pusat pemindahan tersebut adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Cenderawasih, Balai Raya Tanjung Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan, Balai

Raya Anak Air, SK Kempadang dan Balai Lintang Kampung Perpat, Rompin.

“Sehingga kini jumlah mangsa yang masih berada di 14 pusat pemindahan ialah seramai 2,451 orang membabitkan 610 keluarga dari daerah Kuantan dan Pekan.

“Lima laluan di daerah ini masih ditutup untuk kenderaan membabitkan kawasan Sungai Lembing iaitu Jambatan Sungai Charu, Kilometer 30 selepas Perumahan Kolek, Kilometer 28 Sungai Charu, Kilometer 16 Sungai Riau dan Jambatan Kuala Kenau,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.